

917

SOALAN NO: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2017

SOALAN : 45

YB Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan penambahan tempat letak kereta di Hospital Duchess of Kent Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum akan masalah berhubung kekurangan petak tempat letak kereta (TLK) di fasiliti-fasiliti kesihatan. Antara langkah yang sedang diambil oleh KKM ialah perancangan untuk melaksanakan projek pembinaan TLK Bertingkat secara Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership – PPP*) melalui kaedah *Build-Operate-Transfer* (BOT). KKM kini dalam proses untuk merintiskan pelaksanaan projek ini terlebih dahulu di dua (2) buah Hospital Kerajaan di Lembah Klang yang mengalami masalah kesesakan dan kekurangan TLK yang kritikal bagi memastikan projek tersebut berdaya saing. Sekiranya projek ini berjaya, pelaksanaan projek akan diperluaskan ke lain-lain Hospital yang mengalami masalah kekurangan TLK yang sama.